



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	16/3/2021	MUKA SURAT	:	38
JABATAN	:	SEKTOR TENAGA			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

PETRONAS, CNOOC jalin kerjasama jaminan tenaga

BH - *Bisnes* 16/3/2021 m/s 38

Kuala Lumpur: PETRONAS memeterai memorandum persefahaman (MoU) dengan China National Offshore Oil Corporation (CNOOC) bagi kerjasama lebih erat untuk mencapai pertumbuhan bersama dalam jaminan tenaga dan penyelesaian tenaga lebih bersih.

PETRONAS berkata, skop kerjasama itu membuka peluang dalam rangkaian nilai bersepadunya dan global, apabila kedua-dua pihak akan mengukuhkan kolabo-

rasi dalam gas asli cecair (LNG), projek pembangunan dan eksplorasi huluan, penapisan, perkhidmatan lapangan minyak dan kejuruteraan, bahan kimia khas, pelincir serta tenaga boleh diperbaharui.

"PETRONAS dan CNOOC juga akan bekerjasama untuk mengembangkan kegunaan gas asli sebagai bahan api marin lebih bersih menerusi penyelesaian perkhidmatan pengisian LNG, sebagai menyokong peraturan pe-

ngurangan pelepasan gas rumah hijau daripada kapal oleh Pertubuhan Maritim Antarabangsa," katanya dalam kenyataan.

Menerusi MoU itu, PETRONAS dan CNOOC akan mempertimbang menubuhkan rangkaian bekalan pengisian global, memanfaatkan pengalaman kedua-dua syarikat dalam perkhidmatan pengisian LNG.

"Bagi segmen huluan, pada 2019, Petronas menerusi anak syarikatnya, PC Carigali Mexico

Operations SA de CV, memperoleh 30 peratus bahagian ekuiti di laut dalam Block 4, terletak di perairan Perdido Foldbelt dan dioperasikan oleh CNOOC," katanya.

Bagi segmen LNG, Petronas dan CNOOC sudah bekerjasama sejak 2006 menerusi perjanjian bekalan LNG 25 tahun bagi lebih 3.0 juta tan setahun dengan Shanghai LNG Co Ltd, yang dimiliki 45 peratus oleh CNOOC.

BERNAMA